

Debat Bahasa Arab di USIM

SEREMBAN 5 Ogos - Pertandingan Debat Bahasa Arab antara sekolah-sekolah menengah peringkat kebangsaan kali ketujuh anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Kementerian Pendidikan akan berlangsung pada 16 hingga 20 Ogos ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM, pertandingan itu akan diadakan di Kampus USIM, Nilai dekat sini pada tarikh berkenaan.

"Pertandingan kali ini turut melibatkan kategori Jemputan Nusantara yang akan disertai sekolah-sekolah menengah jemputan Asia Tenggara antaranya Malaysia, Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura.

"Sebanyak 65 pasukan debat akan berentap dalam edisi kali ini yang bertema-kan 'Bahasa Arab Sumber Inspirasi'," menurut kenyataan itu di sini hari ini.

Kenyataan itu memberitahu, antara objektif penganjuran pertandingan adalah menyemarakkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah sebagai penyediaan mantap ke peringkat lebih tinggi.

"Ia juga diharap dapat melatih dan mengasah bakat kepimpinan dan keupayaan berfikir secara kritis serta analitis dalam kalangan murid sekolah tentang isu-isu semasa dan mengantara-bangsakan debat bahasa berkenaan dengan penglibatan murid-murid sekolah dari nusantara," katanya.

Sementara itu, Bahagian Pendidikan Islam (BPI) Kementerian Pendidikan dalam kenyataan menyatakan, bagi sekolah menengah kebangsaan (SMK), ia akan diwakili oleh pelajar sekolah di bawah kelolaan bahagian itu iaitu sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah agama bantuan khas (SABK) dan sekolah harian yang menawarkan kelas aliran agama (KAA) serta beberapa sekolah berasrama penuh (SBP) terpilih.

Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) Tengku Ampuan Jemaah, Selangor muncul johan tahun lalu manakala Jemputan Nusantara dimenangi oleh Malaysia yang diwakili oleh Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS).

Dalam pertandingan kali ini, johan bakal menerima hadiah Piala Pusangan Naib Canselor USIM dan RM2,000; naib johan RM1,000 dan piala iringan manakala pendebat terbaik akhir menerima wang tunai RM500.